

## **BENGGKEL SISTEM PENGURUSAN ADUAN AWAM (SISPAA) PENTADBIRAN SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG SIRI 1 TAHUN 2024**

**KUANTAN** - Unit Korporat Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang dengan kerjasama Biro Pengaduan Awam (BPA) Pahang telah mengadakan Bengkel SISPAA Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Pahang Siri 1 Tahun 2024 pada 24 hingga 25 Jun 2024 bermula jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang bertempat di Makmal Komputer ICT Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang.

Seramai 50 orang peserta dari Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri Pahang menghadiri bengkel ini. Bengkel ini dikendalikan oleh seorang fasilitator iaitu Encik Ahmad Nasrullah bin Abdul Halim, Penolong Pengarah BPA Pahang.

Pelaksanaan bengkel ini diadakan bertujuan supaya pegawai yang dilantik oleh jabatan dan agensi dapat memahami fungsi, ciri-ciri dan mengaplikasikan penggunaan SISPAA juga memperbaiki mutu perkhidmatan dan penyampaian dari semasa ke semasa dalam menguruskan aduan awam di bahagian mengikut tatacara yang betul dan tepat.

Semoga bengkel ini dapat meningkat keupayaan, kecekapan dan keberkesanan pengurusan aduan melalui SISPAA seterusnya dapat menambahbaik keberkesanan penyampaian perkhidmatan kepada orang awam.

**#MajuTerusPahang**

**#Pahang1st**

**#KerajaanNegeriPahang**

**#PahangGO**

**Oleh : Seksyen Perhubungan Awam, Unit Korporat, Wisma Sri Pahang**

**Foto : Sumber UKORP**



